

Muslimah dan Masjid dari Perspektif Aktiviti Ibadah

Siti Fatimah Salleh

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk menentukan bentuk-bentuk kegiatan ibadah muslimah di masjid dan kedudukannya menurut syarak. Aktiviti tersebut ialah solat muslimah di masjid, i'tikaf, akad perkahwinan dan program pengajian agama serta beberapa isu yang berkait dengan keuzuran muslimah semasa di masjid. Masjid merupakan bangunan yang dibina sebagai tempat melaksanakan amal ibadat kepada Allah s.w.t.. Fungsi masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. bukan sahaja terkenal sebagai pusat kegiatan ibadah tetapi ia berfungsi sebagai pusat aktiviti yang pelbagai. Penglibatan muslimah dalam melaksanakan kegiatan ibadah di masjid mempunyai perbincangannya dalam Islam. Isu-isu khusus tentang kaum muslimah menjadi kesamaran di kalangan mereka yang memerlukan penjelasan hukum tentangnya. Metodologi yang digunakan ialah kajian perpustakaan dengan menganalisis dokumen dalam kitab-kitab fiqh, hadis, lughah dan tafsir. Dapatan kajian ini menunjukkan tiga aspek utama yang berkaitan dengan solat, i'tikaf muslimah dan akad perkahwinan serta etika mengikuti atau mengajar kelas agama di masjid. Aktiviti ibadah muslimah di masjid tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya dan ia mempunyai etika-etika syara' yang mesti dipatuhi.

Kata Kunci: masjid, ibadah, muslimah.

Abstract

This paper aims to discuss the forms of religious activities in mosques and the position of muslim women according to Islamic law. The discussion will focus on certain activities involving women including praying, i'tikaf, solemnization ceremony ('akad) and religious programs. A mosque is a building which is built as a place of worship to perform deeds to God. During the Prophet is time, the mosque was not only famous as a center of worship, but it served as a center of various activities. Muslim women's participation in the performance of religious activities at mosques has a discussion in Islam. Specific issues on Muslim women are still the focus of attention and in need of clarification. The methodology used is a literature review to examine the books of fiqh, hadith, lughah and tafsir. Findings show that three main aspects are related with prayer, women i'tikaf, solemnization ceremony ('akad) and ethics in religious programs in the mosque. Religious activities of Muslim women in the mosque should not be done arbitrarily and they must adhere to certain ethics prescribed by syara'.

Keywords: mosque, worship, muslim women.

Pendahuluan

Masjid merupakan bangunan yang dibina sebagai tempat melaksanakan amal ibadah kepada Allah s.w.t.. Asas pembinaan bangunan ini mestilah memenuhi kehendak-kehendak syarak sekalipun latar belakang sosio budaya dan bentuk seni bina yang pelbagai. Hubungkait antara bentuk binaannya mempunyai kesinambungan antara akidah Islam. Fungsi masjid sejak zaman Rasulullah s.a.w. bukan sahaja terkenal sebagai pusat aktiviti ibadah tetapi ia berfungsi sebagai pusat aktiviti yang pelbagai bermula dengan aktiviti individu sehingga kepada urusan pentadbiran negara.

Firman Allah s.w.t. menyebut tentang kategori orang yang layak memakmurkan masjid ialah salah satunya orang yang beriman dan hanya takut kepada Allah. FirmanNya ialah:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

(al-Taubah: 18)

Firman Allah yang lain menunjukkan fungsi masjid serta bentuk-bentuk pelaksanaan ibadah secara umum iaitu:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ
رِجَالٌ لَا نُلْهِمُهُمْ بَيْعًا وَلَا بَيْعًا عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ
يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadah yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadah mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (Ibadah itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.

(an-Nur: 36-37)

Wujud kesamaran di kalangan muslimah tentang kategori sesebuah bangunan ibadah dikira sebagai masjid, surau atau musalla. Ini kerana definisi masjid yang dinyatakan dalam hadis baginda berbentuk umum iaitu dijadikan muka bumi ini sebagai masjid. Bertitik tolak daripada definisi ini menjadi kesamaran dalam penentuan sesebuah masjid. Antara kesamaran lain ialah berkenaan pandangan syarak terhadap kedudukan pelaksanaan solat muslimah sama ada fardhu atau sunat di masjid. Berpandukan sebuah hadis sahih yang menyebut tentang keutamaan solat muslimah di dalam bilik rumahnya. Selain itu, isu muslimah yang dalam keadaan haid atau nifas yang diyakini darahnya tidak mencemari

masjid dibolehkan atau sebaliknya berada di dalam masjid bagi mengikuti kelas pengajian agama, akad perkahwinan dan sebagainya. Begitu juga situasi tenaga pengajar muslimah yang uzur syar'ei mengajar di dalam masjid. Kesamaran juga wujud untuk menentukan tempat atau ruang yang ditegah muslimah haid atau nifas memasuki masjid, adakah ia merangkumi kesemua kawasan masjid atau sudut-sudut tertentu sahaja. Ini dibuktikan melalui proses pengajian kelas fiqh wanita yang terdiri daripada mahasiswa mahupun orang awam dewasa di masjid dan surau. Kajian ini akan merungkaikan kesamaran tersebut dengan dinyatakan pandangan-pandangan fuqaha' berserta dalil-dalil penghujahannya serta menyatakan pandangan terpilih untuk diamal oleh kaum muslimah dan sebagai garis panduan kepada setiap individu muslim.

Al-Faiz (1985) membincangkan tentang binaan masjid yang meliputi hukum membina masjid di bandar dan kawasan pedalaman serta membina masjid di atas kubur. Kemudian dibincangkan tentang hukum menghiasi dan mengukir masjid dengan ayat-ayat al-Quran dan sebagainya. Seterusnya perbincangan tentang membina tempat muazzin dan mihrab. Selepas diteliti terhadap kajian ini tidak didapati perbincangan tentang hukum penggunaan masjid bagi muslimah uzur syar'ei dan begitu juga limitasi kawasan yang ditegah muslimah tersebut memasukinya. Manakala Huri Yasin Husain (2007) membincangkan dua bab utama iaitu berkenaan kemunculan, keagungan dan perkembangan masjid serta implikasinya dalam kehidupan Muslim. Ia merangkumi definisi masjid, masjid-masjid terkemuka dalam Islam dan peranan masjid. Manakala bab kedua membincangkan tentang hukum hakam yang berkait dengan masjid seperti solat di masjid, adab-adab masjid serta memasuki dan memelihara masjid. Walaupun kitab ini membincangkan tentang masjid tetapi tiada perbincangan atau kupasan tentang penentuan tempat ibadah yang dilarang terhadap muslimah uzur syar'ei memasukinya serta hukum akad perkahwinan di dalam masjid yang juga melibatkan muslimah. Perkara-perkara yang tidak disebut di dalam karya ini akan diuraikan dalam kajian ini.

Justeru, artikel ini ialah untuk mengenal pasti kaedah penentuan sesebuah bangunan ibadah itu sebagai masjid, surau, musalla atau lain-lain nama yang dikira sebagai tempat ibadah. Ia juga bertujuan menjelaskan kedudukan aktiviti ibadah muslimah di masjid menurut syarak serta kedudukan kepenggunaan masjid bagi muslimah yang berhaid atau nifas. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti sudut-sudut masjid yang ditegah muslimah tersebut melalui dan memasukinya.

Konsep Masjid

Masjid menurut bahasa berasal daripada perkataan *sa ja da*, dan masjid ialah nama bagi tempat sujud. Ia bererti tunduk (al-Razi, t.th., 121; al-Fairuz Abadi, 2004, 715). Dari sudut istilah syarak al-Zarkasyi mendefinisikan masjid sebagai semua tempat di atas muka bumi berpandukan sabda Nabi s.a.w.: *جعلت لي الأرض مسجداً* yang bermaksud, 'laitu dijadikan kepadaku bumi sebagai masjid'. Al-Qadhi 'lyadh berkata, 'ini kerana orang-orang terdahulu tidak menunaikan solatnya kecuali di tempat yang diyakini kesuciannya, maka dikhususkan keharusan solat di atas muka bumi kecuali apabila tidak diyakini suci tempat tersebut daripada najis (al-Faiz 1985, 76-77). Menurut al-Sa'di, "Masjid ialah satu tempat yang dikhususkan untuk menunaikan solat lima waktu dan solat jumaat secara khusus dan berterusan" (Huri Yasin Husain 2007, 14). Definisi ini dapat difahami bahawa musalla yang berbentuk sementara, bahagian atau ruang tertentu yang kebanyakannya dinamakan surau tidak dikategorikan sebagai masjid. Begitu juga dalam definisi tersebut tidak dinamakan masjid bagi tempat-tempat yang didirikan solat bagi hari raya aidilfitri dan hari raya aidiladha kerana tidak bersifat berterusan. Ini dinamakan sebagai musolla sahaja.

Kaedah Syarak untuk Menilai Sesebuah Tempat Ibadat Sebagai

Masjid

Secara umumnya masjid ialah tempat menunaikan solat berdasarkan hadis yang dinyatakan iaitu dijadikan muka bumi ini sebagai masjid, tidak ada perbezaan antara masjid, surau atau musolla. Kesemuanya adalah tempat menunaikan solat. Dalam hal ini, uruf memainkan peranan penting dan ia merupakan salah satu sumber perundangan syarak. Uruf yang menentukan masjid sebagai tempat yang disediakan untuk solat lima waktu dan solat jumaat yang akhirnya memberi perbezaan makna antara masjid dan nama-nama lain yang digunakan untuk menunaikan solat seperti surau, musalla dan sebagainya. Kesimpulannya, definisi yang dinyatakan oleh al-Sa'di lebih tepat kerana ia mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan oleh uruf.

Aktiviti Ibadah Muslimah di Masjid

Pada zaman Rasulullah s.a.w. institusi masjid dijadikan pusat aktiviti secara menyeluruh. Tidak tertumpu sebagai pusat beribadat sahaja, ia dijadikan pusat dakwah, kehakiman, syura, bai'ah dalam strategi peperangan atau dinamakan sebagai institusi ketenteraan, penyelesaian isu munakahat seperti akad perkahwinan, li'an dan lain-lain. Masjid berfungsi sebagai pusat pengabdian diri kepada Allah dan penyelesai urusan antara manusia dengan manusia. Antara aktiviti ibadah muslimah yang menjadi amalan sehingga hari ini antaranya ialah solat di masjid, i'tikaf, akad perkahwinan yang melibatkan muslimah dan pengajian agama.

Solat Muslimah di Masjid

Secara umumnya hukum menunaikan solat berjemaah di masjid menjadi perselisihan dalam kalangan fuqaha. Namun, pandangan yang terpilih dalam hal ini ialah ianya hanya sunat muakkad (Huri Yasin Husain, 2007: 159).

Bagi memperincikan lagi perbincangan fuqaha' tentang isu pelaksanaan ibadat solat seseorang muslimah di masjid, ulama berselisih pendapat kepada tiga pandangan (al-Zuhaili 2002, 2: 1172-1173; Huri Yasin Husain 2007, 165). Pandangan yang pertama ialah harus secara mutlak. Pandangan ini ialah pandangan yang rajih dalam mazhab al-Syafi'iyah. Pandangan yang kedua ialah makruh dan solat di dalam rumahnya adalah lebih afdhal. Ini merupakan pandangan Abi Hanifah dan Malik. Abu Hanifah memberi kelonggaran atau rukhsah bagi muslimah yang berumur (tua) dibolehkan keluar menunaikan solat di masjid khususnya bagi solat isyak dan subuh sahaja. Manakala pandangan yang ketiga pula ialah makruh bagi muslimah yang *hasana'* iaitu muslimah-muslimah yang cantik. Manakala harus solat di masjid bagi muslimah-muslimah yang mana keluarnya mereka ke masjid tidak membawa kepada fitnah (muslimah bukan *hasanaa'*) dengan syarat mendapat izin daripada suami. Pandangan ini ialah pandangan sebahagian al-Malikiyyah dan al-Syafi'iyah serta satu pandangan dari mazhab al-Hanabilah.

Dalam perselisihan hukum bagi masalah solat muslimah di masjid, pandangan yang terpilih ialah pandangan pertama iaitu hukumnya harus bagi muslimah menunaikan solat berjemaah di masjid selagi perbuatan keluar ke masjid itu tidak membawa kepada fitnah. Sekiranya menimbulkan fitnah, muslimah tersebut ditegah daripada menunaikan solat di masjid dan tempat ibadat yang paling sesuai bagi mereka adalah di rumah.

I'tikaf Muslimah di Masjid

Semua ulama bersepakat mengatakan i'tikaf di masjid adalah sunat dilakukan oleh semua individu muslim sama ada lelaki mahu pun muslimah (Ibn Qudamah, 2004, 1: 634). Ibn al-Munzir juga menyebut bahawa sepakat ahli ilmunan terhadap hukum sunat i'tikaf dan ianya bukan wajib kecuali seseorang itu mewajibkan ke atas dirinya beri'tikaf iaitu dengan bernazar (Ibn Qudamah 2004, 1: 634).

Melihat kepada kedudukan i'tikaf sebagai sunat, ia menjadi perselisihan pandangan fuqaha' bagi muslimah yang sedang beri'tikaf kemudian didatangi haid atau nifas. Para fuqaha' dari mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'e dan Hanbali (Ibn Abidin 2003, 1: 486; al-Sarkhasi 1989, 3: 153; al-Kasani 2000, 2: 274; al-Dusuki t.th., 1: 174; al-Hattab 2003, 1: 374; al-Ramli 1984, 3: 213,223; al-Syirbini t.th., 1: 455; al-Mardawi 1997, 3: 337-338) menyatakan muslimah yang didatangi haid atau nifas sewaktu beri'tikaf tidak boleh meneruskan i'tikafnya di masjid dengan terus berada di masjid. Bagi mereka mesti keluar dari masjid dan menunggu hingga suci kerana syarat sah i'tikaf ialah suci daripada haid, nifas dan junub. Namun mazhab al-Hanabilah menyebut bahawa sekiranya di masjid itu mempunyai kawasan atau tempat untuk tinggal di luar kawasan yang dilarang mereka berada di situ tanpa pulang ke rumah, disunatkan bagi muslimah tersebut menunggu sucinya di tempat tersebut. Sekiranya tidak ada kawasan tersebut hendaklah pulang ke rumahnya dan apabila suci mesti kembali ke masjid menyempurnakan i'tikafnya (al-Mardawi 1997, 3: 337).

Manakala hukum seseorang muslimah bernazar untuk beri'tikaf secara *tatabu'* iaitu berterusan kemudian didatangi haid atau nifas, setelah suci daripada keuzuran tersebut mereka mesti bergegas menyempurnakan i'tikafnya. Sekiranya mereka tidak menyegerakannya, maka terbatal i'tikaf yang dinazarkan itu. Dalam hal ini, mereka mesti memulakan semula nazarnya dari awal kerana apa yang telah dilakukan itu tidak dikira atau terbatal menurut syarak. Hukum at-tatabu' dalam nazar i'tikaf tidak terputus dengan berlakunya haid dan nifas (Siti Fatimah 2007: 91).

Akad Perkahwinan yang Melibatkan Muslimah

Salah satu fungsi masjid bermula pada zaman Rasulullah s.a.w. dan masih diteruskan aktivitiya sehingga kini ialah amalan akad nikah atau perkahwinan di masjid. Amalan ini disuruh oleh baginda s.a.w. dan melakukannya adalah sunat (al-Bajuri 1996, 2: 100; al-Buhuti t.th.: 355; al-Zuhaili 2002, 7: 5112). Hukum sunat ini didasari oleh sabda Nabi s.a.w.:

عن عائشة قالت: قال رسول الله ﷺ: **أَعْلِنُوا هَذَا النِّكَاحَ وَاجْعَلُوهُ فِي الْمَسَاجِدِ**
وَاضْرِبُوا عَلَيْهِ بِالْذُّفُوفِ

Maksudnya:

Isytiharkan perkahwinan dengan mengakadkannya di masjid-masjid, pukullah kompang bersempena dengannya".

(at-Tirmizi 2000, *hasan gharib*, Mausu'ah al-Hadith al-Syarif: 1756, no. 1089)

Dalam hal ini, kenduri atau majlis perayaan (*haffah*) tidak boleh diadakan di masjid apabila majlis tersebut bercampur dengan unsur-unsur tegahan syara' seperti pergaulan bebas antara lelaki dan muslimah, muslimah-muslimah berhias, nyanyian dan tarian (al-Zuhaili 2002, 7: 5112). Keadaan tersebut akan menghilangkan fungsi sebenar masjid sebagai rumah Allah s.w.t. untuk hambaNya beribadat. Selain itu, sekiranya muslimah atau pengantin muslimah dalam keadaan haid tidak boleh memasuki masjid semasa akad perkahwinan mengambil kira larangan muslimah berhaid dilarang memasuki masjid kecuali dalam keadaan darurat sahaja.

Pengajian Agama Bagi Kaum Muslimah

Antara fungsi atau peranan masjid ialah sebagai pusat ilmu dan pentarbiahan. Masjid merupakan madrasah dalam melahirkan ilmuan, fuqaha' dan murabbi yang mampu menguasai lautan ilmu. Sebagai contoh Imam Malik bin Anas iaitu pelopor mazhab Malik, beliau mengaut ilmu di masjid Nabawi, Madinah sehingga disebut dalam sabda Rasulullah

s.a.w., "Telah keluar manusia dari timur dan barat untuk menuntut ilmu, tidak ada seorang yang alim dan lebih alim daripada alim Madinah".

Ibn 'Uyainah menyebut individu yang disebut oleh baginda sebagai 'alim al-Madinah' ialah beberapa nama tabi'ie sehingga muncul Imam Malik, maka disahkan bahawa Imam Malik sebagai alim al-Madinah yang digelar oleh baginda s.a.w. dalam hadits itu (al-Zahabi 2004, 3: 3147). Bertitik tolak daripada pengiktirafan Imam Malik ini menunjukkan bahawa masjid merupakan sebuah institusi ilmu yang melahirkan para ulama terkemuka dunia.

Justeru, Islam menyuruh umatnya mencari ilmu sehingga dalam beberapa bab menjadi fardhu ain atau wajib ke atas setiap individu muslim. Ilmu ini dikenali sebagai ilmu fardhu ain dan kebanyakannya diajar kepada golongan lelaki mahu pun muslimah di masjid. Bagi kaum muslimah khususnya, para suami dan wali umumnya, wajib mempelajari ilmu yang berkait dengan permasalahan khusus muslimah seperti haid, nifas dan istihadhah kerana tanpa pengetahuan tentang ilmu ini menjadikan kejahilan seseorang itu lebih ketara berbanding tidak alim (mengetahui) dalam hal ilmu lain (Ibnu Abidin, t.th., 70). Ini kerana permasalahan *toharah* merupakan asas atau pokok dalam ibadah.

Permasalahan yang timbul bagi muslimah yang memberi komitmen dengan kelas pengajian agama di masjid yang tidak mempunyai ruang khusus sebagai kelas pengajian agama. Mereka mengalami masalah apabila melalui waktu haid atau nifas sama ada sebagai pelajar atau sebagai tenaga pengajar. Oleh itu, di setiap masjid disarankan supaya membina ruang khusus seperti kelas di bahagian binaan masjid bagi mengambilkira kemaslahatan muslimah dalam menuntut ilmu agama serta mendapat kelebihan sunat mempelajari sesuatu ilmu di masjid (al-Zuhaili 2002, 1: 551).

Isu yang Berkait dengan Muslimah Uzur Syar'ei Menggunakan Masjid

Situasi yang menjadi kesamaran bagi kaum muslimah ialah keharusan untuk memasuki masjid bagi muslimah haid atau nifas setelah diyakini darahnya tidak mencemari masjid dibolehkan memasuki masjid atau sebaliknya. Permasalahan ini dibincangkan oleh fuqaha' setiap mazhab dengan menjadikannya kepada dua pandangan.

Pandangan pertama yang diwakili oleh mazhab al-Hanafiyyah (al-Kasani 2000, 1: 163) dan al-Malikiyyah (al-Dardir t.th., 1: 215; al-Dusuki t.th., 1: 174), mereka mengatakan haram bagi muslimah haid atau nifas memasuki masjid secara mutlak sama ada untuk duduk di dalamnya atau melalui di dalam masjid kecuali dalam keadaan *dorurah* seperti tidak menjamin keselamatan nyawa, harta atau seumpama dengannya. Dalil bagi pandangan ini ialah berdasarkan ayat 43 Surah al-Nisa':

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَقْرُبُوْا الصَّلٰوةَ وَاَنْتُمْ سٰكِرٰى حَتّٰى تَعْلَمُوْا مَا تَقُوْلُوْنَ وَّلَا جُنُبًا اِلَّا عَابِرِيْ سَبِيْلٍ حَتّٰى تَغْتَسِلُوْا

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub (berhadas besar) kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu mandi bersuci.

(an-Nisa': 45)

Ayat tersebut ditujukan larangan kepada orang yang berjunub, maka bagi orang yang berhaid dan bernifas lebih kuat larangannya kerana hadas mereka lebih berat daripada

orang yang berjunub. Ini dibuktikan melalui larangan muslimah haid dan nifas daripada berpuasa dan orang yang berjunub disuruh berbuat demikian. Begitu juga solat, orang yang haid dan nifas tidak disuruh *qadha* solat manakala orang berjunub wajib *qadha* solat mereka selepas suci (Siti Fatimah 2007: 75). Sabda Rasulullah s.a.w.: (al-Syaukani, 2004: 163):

عن عائشة، قالت: ...فإني لا أحل المسجد لحائض ولا جنب

Hadis tersebut boleh difahami secara jelas bahawa Rasulullah s.a.w. mengharamkan orang yang berhaid dan berjunub memasuki masjid secara mutlak. Begitu juga hukum bagi yang bernifas diqiaskan kepada muslimah yang berhaid. Hadis ini dipraktikkan kesahihannya oleh Ibn Khuzaimah (al-Syaukani, 2004, 163). Selain itu, dalam hadith lain juga menyebut tentang larangan muslimah bernifas tawaf di masjid. Sabda Rasulullah s.a.w.:

عن عائشة، قالت: ...فأفعلني ما يفعل الحاج غير أن لا تطوفني بالبيت حتى تطهري.

Hadith ini menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. menyuruh muslimah bernifas semasa menunaikan haji supaya melakukan amalan-amalan haji sebagai mana jemaah lain kecuali tidak melakukan tawaf sehinggalah suci daripada nifas.

(al-Bukhari 1999, 35, no. 305)

Daripada hadis itu difahami apabila ditegah orang yang bernifas daripada tawaf, maka hukum memasuki rumah Allah lebih kuat tegahannya. Begitu juga keadaannya bagi muslimah yang berada dalam keadaan haid.

Pandangan kedua dalam hal ini ialah pandangan mazhab al-Syafi'iyah dan al-Hanabilah. Mereka berpendapat haram bagi muslimah dalam keadaan haid dan nifas duduk di dalam masjid sebagaimana haram bagi kedua-duanya melintas atau lalu di dalam masjid sekiranya dikhuatiri mencemarkan masjid. Akan tetapi, jika tidak dibimbangi mencemarkan masjid harus bagi mereka melalui masjid (al-Syirbini t.th., 1: 109; al-Mardawi 1997, 1: 327). Ibnu Qudamah menjelaskan lagi keharusan melalui masjid sekiranya terjamin tidak mencemarinya adalah dengan tujuan untuk mengambil sesuatu barang. Sekiranya masuk seseorang yang berada dalam keadaan haid atau nifas untuk meletak sesuatu barang maka ia tidak diharuskan bahkan menjadi makruh jika melintasi tanpa hajat atau keperluan. Hal ini disokong oleh Ibnu Mas'ud, Ibn Abbas dan Said bin al-Musayyib (Ibnu Qudamah 2004, 1: 275).

Dalil utama bagi pandangan ini ialah berpandukan kepada firman Allah s.w.t.:

وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّى تَغْتَسِلُوا

Maksudnya:

...dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub (berhadas besar) kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu mandi bersuci".

(al-Nisa': 43)

Pandangan ini menyatakan bahawa kehendak daripada ayat tersebut ialah larangan memasuki masjid dalam keadaan berjunub kecuali diharuskan melintasi tanpa duduk di dalamnya. Maka diqiaskan kepada orang yang berhaid dan nifas kerana kedua-duanya termasuk dalam golongan berhadas besar (Siti Fatimah 2007, 75).

Setelah dinyatakan pandangan fuqaha' serta dalil-dalil mereka dalam isu muslimah yang berkeadaan haid atau nifas memasuki masjid, dapat disimpulkan bahawa tidak harus

bagi muslimah yang didatangi haid dan nifas memasuki masjid dan melintasinya kecuali dalam keadaan darurat. Dalam hal ini, tidak boleh mengqiaskan keadaan keharusan sewaktu darurah dengan keadaan lain yang tidak darurat kerana kaedah feqh (Muhammad Usman Syibir, 2007: 213-214; al-Zuhaili, 1999: 252-258) telah menyebut "الضرورات تبيح المحظورات" dan "الضرورة تقدر بقدرها". Dua kaedah ini bermaksud kemudharatan mengharuskan perkara yang ditegah. Apabila Islam mengharuskan sesuatu yang ditegah kerana darurat, keharusan itu bertujuan untuk menyelamatkan keadaan sahaja seperti yang difahami dalam kaedah kedua. Al-Sa'di menjelaskan tentang isu larangan muslimah haid dan nifas memasuki masjid kerana zat tubuh badan muslimah tersebut tidak suci bukan kerana isu mencemari masjid atau sebaliknya (al-Sa'di, 2007).

Kesimpulannya, terdapat aktiviti ibadah muslimah yang terbatas pelaksanaannya di masjid apabila berada dalam keadaan haid atau nifas seperti beri'tikaf, akad perkahwinan, mengajar dan mengikuti kelas pengajian agama atau program berzikir dan seumpamanya selagi aktiviti tersebut bersifat duduk dan berada di dalam masjid. Aktiviti-aktiviti yang dinyatakan ini masih menjadi amalan dalam kalangan masyarakat kontemporari bukan hanya pada zaman Rasulullah s.a.w. sahaja.

Penentuan Masjid dan Kawasan yang Dilarang Muslimah Berhaid atau Nifas Memasukinya

Tegahan memasuki masjid bagi muslimah yang berkeadaan haid dan nifas adalah terhad kepada masjid seperti yang telah disebutkan tentang ciri-ciri penentuan sesebuah tempat ibadat itu sebagai masjid. Oleh itu, muslimah yang berada dalam keadaan tersebut boleh memasuki dan duduk di dalam surau, musolla atau tempat-tempat ibadah yang dibina untuk menunaikan solat kerana ia bukan bersifat khusus dan berterusan seperti di pejabat-pejabat, stesen-stesen kenderaan, lapangan terbang, pasar raya atau pusat jualan, bangunan-bangunan akademik yang terdapat ruang atau tempat solat dan sebagainya.

Kesamaran yang kedua ialah larangan duduk dan masuk ke masjid merangkumi kesemua kawasan masjid atau bahagian tertentu sahaja. Hal ini perlu dijelaskan kepada masyarakat awam khususnya yang menjadi kekeliruan tentang sudut masjid yang ditegah. Larangan ini hanya tertumpu kepada sudut atau ruang yang dibina khusus untuk menunaikan solat. Manakala ruang-ruang lain seperti serambi, tempat laluan untuk masuk ke tempat solat, tempat jamuan dan bahagian-bahagian atau sudut yang dibina pada asasnya bukan sebagai tempat solat, hanya sesekali sahaja digunakan seperti ketika solat terawih dan solat dua hari raya kerana jemaah yang ramai. Kawasan tersebut tidak ditegah untuk muslimah-muslimah yang berhaid atau nifas berada di situ (al-Sa'di, 2007).

Kesimpulan

Setelah membincangkan beberapa isu yang berkait dengan masjid dan aktiviti ibadah muslimah di masjid, artikel ini menghasilkan beberapa dapatan. Pertama, keempat-empat mazhab bersepakat bahawa muslimah yang didatangi haid atau nifas sewaktu beri'tikaf tidak boleh meneruskan i'tikafnya dengan terus berada di masjid. Mereka mesti keluar dari masjid dan menunggu sehingga suci kerana syarat sah i'tikaf ialah suci dari haid, nifas dan junub. Muslimah yang bernazar untuk beri'tikaf secara tatabu' atau berterusan kemudian didatangi haid atau nifas, mereka mesti bersegera menyempurnakan i'tikafnya setelah suci dari keuzuran tersebut. Sekiranya tidak disegerakan, maka i'tikaf yang dinazarkan itu akan terbatal. Manakala hukum at-tatabu' dalam nazar i'tikaf tidak terputus dengan berlakunya haid dan nifas.

Kedua, hukum melaksanakan akad perkahwinan di masjid adalah sunat. Namun bagi pengantin muslimah yang didatangi haid tidak boleh memasuki masjid sewaktu akad tersebut. Ketiga, pengajar kelas pengajian agama di masjid atau pelajar yang terdiri dari

muslimah yang didatangi haid atau nifas tidak boleh masuk dan duduk di dalam masjid. Namun dalam situasi darurat dikecualikan larangan tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan muslimah yang didatangi haid atau nifas dilarang memasuki masjid yang dibina secara khusus dan berterusan untuk menunaikan solat fardhu dan jumaat. Namun penetapan kawasan masjid yang dilarang untuk memasukinya adalah hanya ruang yang dibina khusus untuk tempat solat.

Rujukan

- al-Bajuri, Ibrahim., 1996, *Hasyiah al-Bajuri*, Beirut: Dar lhyak al-Turath al-Arabi.
- al-Bukhari, Abi Abdillah Muhammad bin Ismail., 1999, *Sohih al-Bukhari*, al-Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Buhuti, Mansur bin Yunus., t.th., *al-Raudhul Murbi'Syarah Zadil Mustaqni'*, Beirut: Syarikah Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- al-Dardir, Abi al-Barakat Ahmad bin Muhammad., t.th., *al-Syarhu al-Soghiri 'Ala Aqrabi al-Masalik*, Dar al-Maarif.
- al-Dusuki, Syamsuddin al-Syeikh Muhammad., t.th., *Hasyiah al-Dusuki Ala al-Syarhi al-Kabir*, Dar lhyak al-Kutub al-Arabiyyah: Isa al-Babi al-Halabi.
- al-Fairuz Abadi, Abi Tahir Majduddin Muhammad bin Yaakob bin Muhammad bin Ibrahim., 2004, *al-Qamus al-Muhit*, Lubnan: Baitul Afkar al-Dualiyyah.
- al-Faiz, Ibrahim bin Muhammad bin Yusuf., 1985, *al-Binaa wa Ahkamuhu fi al-Fiqh al-Islami - Dirasah Muqaranah*, Tesis Doktor Falsafah, Jamiah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah, al-Sa'udiyyah.
- al-Hattab, Abi Abdillah Muhammad bin Abdurrahman al-Maghribi., 2003, *Mawahibul Jalil Li Syarhi Mukhtasar Khalil*, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Huri Yasin Husain, 2007, *al-Masjid wa Risalatuhu Fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin bin Umar Abidin., 2003, *Hasyiah Ibnu Abidin*, al-Sa'udiyyah: Dar Alim al-Kutb.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin Afandi., t.th., *Majmu'ah Rasael Ibnu Abidin*, Lubnan: Dar lhyak al-Turath al-Arabi.
- Ibn Qudamah, Abi Abdillah bin Ahmad bin Muhammad., 2004, *al-Muqhni*, tahqiq: Muhammad Syarifuddin Khattab, al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, Abi Abdillah bin Ahmad bin Muhammad., 2004, *al-Muqhni*, Lubnan: Baitul Afkar al-Dualiyyah.
- al-Kasani, Alauddin Abi Bakr bin Mas'ud., 2000, *Badai'e al-Sonai'e fi Tartib al-Syarai'e*, Tahqiq: Muhammad Adnan bin Yasin Darwish, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Mardawi, Alauddin Abi Al-Hasan Ali bin Sulaiman bin Ahmad., 1997, *al-Insof*, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mausu'ah al-Hadith al-Syarif, 2000, *al-Kutub al-Sittah*, al-Sa'udiyyah: Dar al-Salam Linnasyri Waal-Tauzi'.
- Muhammad Usman Syibir, 2007, *al-Qawaid al-Kulliyah waal-Dhawabit al-Fiqhiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*, al-Urdun: Dar al-Nafais.
- al-Ramli, Syamsuddin bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihab., 1984, *Nihayatul Muhtaj Ila Syarhil Minhaj*, Lubnan: Dar al-Fikr.
- al-Razi, Muhammad bin Abi Bakar bin Abdul Qader., t.th., *Mukhtar al-Sihah*, t.tp.: t.pt.
- al-Sarkhasi, Syamsuddin., 1989, *al-Mabsut*, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Siti Fatimah binti Salleh, 2007, *al-A'zar al-Khossah Binnisa' wa Ahkamuha fi al-Ibadat*, Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah, Tesis Universiti Mu'tah, Jordan.
- al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad., 2004, *Nailul Author*, Lubnan: Baitul Afkar al-Dualiyyah.
- al-Syirbini, Muhammad al-Khatib., t.th., *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Lubnan: Dar lhyak al-Turath al-Arabi.

- Wahbah al-Zuhaili, 2002, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Siria: Dar al-Fikr.
- al-Zahabi, Abi Abdillah Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaimaz., 2004, *Siyaru A'lam al-Nubalaa*, Lubnan: Baitul Afkar al-Dauliyyah.
- al-Zuhaili Muhammad, 1999, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah 'ala Mazhab al-Hanafi wa al-Syafi'ei*, Jameah Kuwait: Kuwait.

Temubual

Abdul Malik al-Sa'di, 2007, Temu bual di Jordan.

SITI FATIMAH SALLEH
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA
Emel: sitifatimah@unisza.edu.my